

Isa beri amaran tarik bali k biasiswa pelajar

UM 2 JUL 2001

PORT DICKSON 1 Junai — Kerajaan negeri tidak teragak-agak akan menarik balik biasiswa atau pinjaman negeri kepada mana-mana pelajar yang didapati terlibat membakar bangunan universiti.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad menegaskan, adalah tidak wajar jika mereka terus menerima bantuan itu jika tindak-tanduk pelajar terbabit menentang kerajaan.

“Perbuatan mereka yang bertindak membakar bangunan universiti adalah satu perbuatan terkutuk dan nampaknya ada anasir-anasir jahat yang mempengaruhi pelaj-

jar di universiti,” katanya selepas majlis prapelancaran Puteri UMNO Negeri Sembilan, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya tindakan kerajaan negeri jika terbukti ada pelajar biasiswa atau pinjaman kerajaan negeri di Universiti Malaya bertindak ganas sehingga membakar Dewan Tunku Canselor universiti berkenaan semalam.

Mohd. Isa kkuatir fenomena itu menggambarkan para pelajar kini sudah berani bertindak secara militan asalkan tercapai matlamat mereka.

“Tindakan ini juga adalah satu perbuatan dayus kerana

kerajaan telah memberi mereka platform untuk menyuarakan pendapatnya dan bukannya sehingga membakar bangunan universiti,” ujarnya.

Tegas beliau, mereka sepatutnya mengambil peluang kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke universiti itu untuk menyuarakan pandangan dan bukannya menghalang kehadiran pemimpin negara.

Mohd. Isa menambah: “Sepatutnya mereka menunjukkan kejantanan mereka dengan mengadakan dialog dengan Perdana Menteri, kalau mereka benar-benar berani.”